

Daerah Kerian bebas banjir 2014

BAGAN SERAI – Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Kerian bagi mengatasi masalah banjir khususnya di daerah Kerian dijangka siap sepenuhnya akhir 2014.

Pelaksanaan RTB yang melibatkan peruntukan kerajaan Pusat sebanyak RM490 juta nyata melegakan ribuan penduduk setempat yang saban tahun terpaksa berhadapan banjir akibat limpahan air dari lembangan sungai di sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri Alor Pongsu, Datuk Sham Mat Sahat berkata, sebanyak 16 projek tebatan banjir sedang giat dilaksanakan di daerah terbabit sejak Mac lepas.

“Saban tahun, air Empangan Bukit Merah terpaksa dilepaskan menyebabkan berlaku limpahan ke kampung-kampung berdekatan.

“Dengan pembinaan ban di sepanjang lembangan sungai berisiko banjir di daerah ini, masalah banjir mampu diatasi sekali gus memberi sinar baharu kepada penduduk terlibat,” katanya kepada *Kosmo!* selepas meninjau pembinaan ban-ban di lembangan Sungai Kerian di sini semalam.

Menurutnya, antara punca berlaku banjir khususnya di kawasan Alor Pongsu dan Beriah adalah disebabkan kadar hujan luar biasa yang mengakibatkan air sungai melimpah.

“Keadaan tanah yang rendah berbanding ketinggian paras air laut turut menjadikan kawasan sekitar dan alam semula jadi menjadi dataran banjir.

“Selain itu, pelepasan air daripada Empangan Bukit Merah yang telah



SHAM menunjukkan salah satu ban yang dibina di Sungai Kerian melalui Projek RTB Lembangan Sungai Kerian di Bagan Serai semalam.

mencapai paras maksimum juga terpaksa dilakukan demi keselamatan dan kestabilan empangan tersebut,” katanya.

Katanya, RTB Lembangan Sungai Kerian yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak

itu juga melibatkan kerja-kerja mendalamkan Empangan Bukit Merah.

ngan Sungai Kerian melibatkan pembinaan ban dari Changkat Lobak ke Lebuhraya Utara-Selatan serta ban dari Sungai Air Hitam ke Padang Lalang.